



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Jumaat, 16 Jun 2023

20 Peserta B40 jana pendapatan sebagai penternak ayam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	18

20 peserta B40 jana pendapatan sebagai penternak ayam

SABAK BERNAM – Seramai 20 peserta daripada golongan B40 dilatih menjadi penternak ayam bagi membolehkan mereka menjana pendapatan untuk keluar daripada garis kemiskinan.

Program dikenali *Sustainable Community Poultry Project* (SCoPP) itu anjuran Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPS Berhad) dan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), MyFundAction.

Pengarah Perhubungan Pelabur, Kelestarian dan Komunikasi KPS Berhad, Zulkifli Mawardi berkata, pihaknya memperuntukkan RM215,000 dengan setiap peserta diberikan antara 150 hingga 200 ekor anak ayam kacukan untuk dibela selama dua bulan sebelum dijual kepada pelanggan.

Katanya, peserta juga dibimbing dalam aspek operasi seperti penjagaan reban dan ayam selain pengurusan kewangan yang betul.

"Kita menerima sebanyak 2,206 permohonan, namun hanya 20 orang sahaja yang terpilih menyertai program itu yang kali pertama diadakan.



BADRUL (dua dari kanan) menerima kunjungan KPS Berhad dan MyFundAction di Kampung Sungai Sireh, Sabak Bernam semalam.

"Saşaran kami supaya kesemua peserta dapat menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan iaitu pendapatan keluar daripada garis kemiskinan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Beliau menjelaskan, penyertaan peserta itu juga diharapkan dapat menambah bekalan ayam khususnya di negeri Selangor.

Sementara itu, salah seorang peserta, Badrul Zaman Soho, 59, memberitahu, sebelum ini dia

hanya mampu memperoleh pendapatan RM1,500 sebulan dengan menternak dan menjual ayam kampung.

"Bimbingan yang diberikan menerusi SCoPP ini akan menambahkan lagi ilmu dalam proses menternak dan urus niaga ayam dengan lebih sistematik.

"Sudah tentu, saya berharap program ini diperluaskan lagi dalam membantu golongan senasib seperti saya pada masa depan," ujarnya.

F&NHB pemacu cluster Agropolis

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Niaga	37

F&NHB pemacu kluster Agropolis

TAMPIN – Kerajaan Negeri Sembilan berhasrat untuk merealisasikan konsep Smart Agro bagi membangunkan sebuah kluster Agropolis seperti di dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, sejajar dengan misi tersebut, kerajaan negeri mengalu-alukan kehadiran Fraser and Neave Holdings Bhd. (F&NHB) untuk membangun ladang tenusu integrasi di Gemas, sekali gus membantu mencapai hasrat mewujudkan kluster Agropolis itu.

Menurutnya, Agropolis merupakan konsep pembangunan yang menerapkan elemen perbandaran ke petempatan desa dan membangunkannya sebagai bandar pertanian.

"Ia boleh dibangunkan di kawasan yang mempunyai keluasan terhad dan menggunakan teknologi bagi meningkatkan hasil tanaman dan penternakan di dalam kawasan tersebut.

"Ladang F&NHB yang seluas 2,726 hektar ini dilihat amat berpotensi dan akan memberi impak tinggi kepada pembangunan kawasan setempat.

"Ia bukan sahaja mencipta 500 peluang pekerjaan baharu dan prospek perniagaan pertanian untuk masyarakat tempatan," katanya.



AMINUDDIN (tengah) dan Ketua Pegawai Eksekutif F&NHB, Lim Yew Hoe (kanan) pada majlis pecah tanah projek ladang tenusu integrasi di Gemas semalam.

Beliau berkata demikian bersempena majlis pecah tanah F&N Agrivalley Gemas di sini semalam.

Selain itu, Aminuddin menjelaskan, penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) atau Pusat Kecemerlangan F&NHB untuk tenusu dan perta-

nian bakal menyumbang kepada peningkatan bilangan profesional mahir dalam bidang veterinar, pemakanan haiwan, agronomi, teknologi makanan dan R&D makanan.

Menurut beliau, inisiatif berkenaan bakal meningkatkan peluang pekerjaan bagi tenaga

kerja mahir seterusnya memacu pertumbuhan sektor tenusu dan pertanian negeri ini.

"Inisiatif lain dalam kluster Agropolis yang akan dibangunkan oleh F&NHB termasuklah pembangunan lembah ruminan yang mana pembangunan lembah ini akan menyaksikan peng-

gunaan teknologi tinggi di dalam bidang pertanian khususnya dalam bidang crop planting serta penternakan lembu tenusu.

"Penggunaan teknologi ini memberi aspek pemodenan kepada operasi pertanian dan pembekalan makanan.

"Ia akan dapat menukar persepsi orang ramai terhadap industri pertanian, khususnya industri ternakan lembu," katanya.

Selain itu menurut beliau, penggunaan kecerdasan buatan (AI) di lembah berkenaan juga akan menjadikan sektor penternakan dan pertanian menjadi lebih efisien, kemas, dan mudah.

Dalam pada itu, Aminuddin menggalakkan lebih banyak usaha dan program yang melibatkan komuniti seperti ladang kontrak untuk memberi peluang pekerjaan kepada rakyat serta meningkatkan kebolehan pengusaha tenusu tempatan.

Sementara itu, projek ladang tenusu integrasi bernilai lebih daripada RM1 bilion itu dijangka dibangunkan secara berfasa dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2027.

Ladang seluas 2,726 hektar itu akan menempatkan sehingga 20,000 ekor lembu susu yang akan menghasilkan 200 juta liter susu segar setahun untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Penternak lega subsidi ayam diteruskan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	33

Penternak lega subsidi ayam diteruskan

Oleh JAMLIH ABDULLAH
utusannews@mediamulla.com.my

JERAJ: Penternak ayam menganggap keputusan kerajaan meneruskan pemberian subsidi untuk industri itu dapat mengekalkan harga bahan mentah itu dalam pasaran.

Tanpa pemberian subsidi, harga sekilogram ayam segar mungkin mencecah sehingga RM11 berbanding harga siling ditetapkan RM9.40 di pasaran ketika ini disebabkan kos pengeluaran masih tinggi sekaligus membebankan pengguna.

Penternak ayam, Mazlina Kamarudin, 55, menganggap lanjutan pemberian subsidi oleh kerajaan kepada penternak bermula 1 Julai ini adalah langkah terbaik untuk membela dan menjaga kesejahteraan rakyat.

Menurut Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn. Bhd. (Ayam Bismi) itu, penternak seperti ini masih memerlukan subsidi itu di kala kos pengeluaran ayam masih tinggi terutama dengan kenaikan harga anak ayam daripada RM1 sehingga RM1.50 seekor ketika ini.

"Kami rasa lega dengan pengumuman itu, jika tiada subsidi, pengguna mungkin terpaksa membeli ayam pada harga tinggi sehingga RM11 sekilogram kerana kos pengeluaran yang masih tinggi seperti harga anak ayam ketika ini sehingga RM3.30 dan



MAZLINA KAMARUDIN

RM3.30 seekor," katanya di sini, semalam.

Tambah Mazlina, penternak ketika ini berada dalam keadaan tersepit antara kelangsungan perniagaan mereka dan membantu rakyat untuk meringankan beban mereka ketika kos sara hidup yang meningkat.

"Subsidi diperlukan kerana kerajaan tidak dapat memastikan orang yang membekalkan anak ayam itu untuk menurunkan harganya. Kalau harga anak ayam sehingga RM3.40 seekor, kos awal kami sudah cukup tinggi.

"Jadi, kami sebagai penternak berharap kerajaan melihat kepada situasi ini iaitu harga anak ayam. Kita penternak ini sudah ada ladang dan mahu tak mahu kena bawa masuk ayam. Kita berharap subsidi itu diteruskan kerana penurunan mar-gintak nampak lagi," katanya.

F&N labur RM 1 billion di Gemas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Ekonomi	36

Bangunkan ladang tenusu integrasi seluas 2,726 hektar untuk pasaran tempatan, eksport

F&N labur RM1 bilion di Gemas

Oleh NOR AINNA HAMZAH
ekonomiutusan@mediamula.com.my

TAMPIN: Syarikat Fraser & Neave Holdings Berhad (F&N) melabur RM1 bilion bagi fasa pertama pembangunan projek ladang tenusu integrasi terletak di Ladang Permai Damai, Gemas di sini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Lim Yew Hoe berkata, pembukaan ladang tenusu integrasi seluas 2,726 hektar tersebut merupakan langkah syarikat untuk menjadi pengeluar susu segar terbesar di negara ini termasuk bagi eksport.

"Kami dijadualkan memulakan fasa pertama dengan penghasilan susu segar sebanyak 20 juta liter pada akhir tahun depan dan berkembang kepada pengeluaran penuh sebanyak 100 juta liter susu segar beberapa tahun kemudian.

"Selepas itu, pada fasa kedua akan menambah kapasiti sebanyak 100 juta liter susu segar yang memberikan jumlah keseluruhan 200 juta liter susu segar setahun.

"Ladang ini berupaya menempatkan sebanyak 20,000 ekor lembu susu yang menghasilkan 200 juta liter susu segar setahun untuk pasaran tempatan dan antarabangsa," katanya sempena Majlis Pecah Tanah



AMINUDDIN Harun (tengah) bergambar bersama tetamu kehormat serta warga F&N sempena Majlis Perasmian Pecah Tanah F&N Agrivalley Gemas, Tampin, semalam. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

F&N Agrivalley Gemas di sini, semalam.

Majlis disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Yang hadir sama, Pengerusi Kumpulan F&N, Tengku Syarif Bendahara Perlis Syed Badaruddin Jamalullail Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd. Zafir Ibrahim.

Dalam pada itu, Yew Hoe menambah, mengoperasikan ladang tenusu bersepadu akan menghasilkan integrasi menegak perniagaan dan operasi F&N serta mengurangkan kebergantungan syarikat kepada susu import untuk pengeluaran dan pendedaran hiliran.

"Penyepaduan ini juga akan membantu mengurangkan kos seliter susu segar, memberi man-

faat kepada pengguna-pengguna di Malaysia. Kami juga menyasarkan untuk mengeksport susu segar dan berpotensi menjadikan Malaysia sebagai pengeksport susu segar pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu, Aminuddin berkata, projek ladang tenusu integrasi akan menyumbang kepada pewujudan 500 peluang pekerjaan baharu dan peluang

perniagaan agro untuk komuniti tempatan setelah projek ini siap sepenuhnya pada 2027.

"Projek mega ini selari dengan hasrat dan aspirasi kerajaan Negeri Sembilan bagi merealisasikan konsep 'Smart Agro' untuk membangun sebuah kluster Agropolis seperti dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045," tambahnya.

929 pekebun, penternak Johor rugi lebih RM7 JUTA AKIBAT BAH

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	16

929 pekebun, penternak Johor rugi lebih RM17 juta akibat bah

ISKANDAR PUTERI – Seramai 929 pekebun dan penternak di Johor mengalami kerugian RM17,730,765 akibat bencana banjir pada Mac lalu, kata Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip.

Menurutnya, kerugian itu merangkumi pengusaha subsektor tanaman agromakanan, subsektor penternakan, subsektor perikanan serta subsektor industri asas tani.

Jelasnya, permohonan bagi peruntukan itu telah dimajukan agensi dan jabatan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS).

"Permohonan bantuan itu kini di peringkat kelulusan dan yang dipohon menerusi peruntukan di bawah Tabung Bencana iaitu Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA)," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gan Peck Cheng (**PH-Penggaram**) berkenaan kerugian dialami golongan berkenaan ekoran banjir besar Mac lalu.

Tambah Zahari, Jabatan



GAMBAR fail menunjukkan keadaan Bandar Kota Tinggi yang ditenggelami air akibat limpahan Sungai Johor pada 3 Mac lalu.

Pertanian Johor sahaja telah menerima sebanyak 704 permohonan bencana melibatkan tanaman padi, sayur, buah-buahan, lebah madu, cendawan serta industri asas tani (IAT) dengan anggaran kerugian RM10.3 juta.

"Daerah Tangkak merekodkan jumlah permohonan tertinggi iaitu seramai 206 petani dengan kerugian RM2.1 juta, diikuti Mersing (157 petani), Segamat (108 petani) dan Batu Pahat (104 petani).

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan seramai 431 pengusaha sektor pertanian dan satu komuniti perikanan di Johor yang terkesan banjir telah menerima bantuan dengan nilai peruntukan sebanyak RM2.5 juta tahun lalu.

"Bantuan itu bukanlah untuk menampung kerugian projek pertanian, sebaliknya satu usaha membantu pengusaha untuk terus melaksanakan semula projek-projek pertanian yang telah terjejas," jelasnya.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Bisnes	24

F&N labur RM1b bangun ladang tenusu di Gemas

Faciliti canggih bantu tingkat pengeluaran susu segar penuhi permintaan

Oleh Nur Amira Mohd Hedzer
bhbiz@bh.com.my

Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) berada di landasan tepat untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai pengeluar susu terbesar di Malaysia dengan menyempurnakan majlis pecah tanah ladang tenusu bersepadu di Gemas, Negeri Sembilan.

Ia juga menandakan penyertaan F&N dalam perniagaan susu segar huluan kerana ladang bersepadu itu mampu mencapai tahap pengeluaran penuh Fasa 1 dengan penghasilan 100 juta liter susu segar membabitkan kos pelaburan sebanyak RM1 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif F&N, Lim Yew Hoe, berkata ladang seluas 2,726 hektar itu akan menempatkan 20,000 ekor lembu susu yang akan menghasilkan 200 juta liter susu segar setahun untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Beliau berkata, barisan pemprosesan dan pembungkusan akan ditempatkan bersebelahan dengan pusat pemerah susu bagi membekalkan susu segar berkualiti pada harga yang berpatutan kepada pengguna Malaysia.

"Ladang ini juga membantu menggalakkan pertumbuhan industri pertanian tempatan dengan memupuk tenaga kerja yang mahir dan menjana peluang pekerjaan dalam industri tenusu



Aminuddin (tengah) merasmikan pecah tanah ladang tenusu bersepadu F&N di Gemas, Negeri Sembilan.

(Foto ihsan F&N)

dan pertanian," katanya.

Majlis pecah tanah ladang tenusu bersepadu F&N itu dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Mohd Zafir Ibrahim; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Penggalakan dan Fasilitasi Pelaburan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Sivasuriyamorthy Sundara Raja dan Pengerusi F&N, Tengku Syed Badarudin Jamalullail.

Kurangkan kos pengeluaran

Yew Hoe berkata, mengoperasikan ladang tenusu bersepadu akan menghasilkan integrasi menegak bagi perniagaan dan operasi F&N, serta mengurangkan pergantungan syarikat kepada susu import untuk pengeluaran dan pengagihan hiliran.

Beliau berkata, penyepaduan itu juga membantu mengurangkan kos seliter susu segar dan memberi manfaat kepada pengguna Malaysia.

Katanya, kumpulan juga me-

nyasarkan untuk mengeksport susu segar dan berpotensi menjadikan Malaysia sebagai pengeksport bersih susu segar pada masa hadapan.

"F&N turut merancang untuk membuka ladang tanaman makanan ternakan di tempat yang sama dan langkah ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran fidlot bagi mengurangkan ketergantungan negara terhadap makanan haiwan yang diimport.

"Malaysia kini mengimport hampir 100 peratus makanan haiwan dari Brazil dan Argentina," katanya.

Mengulas lanjut, Yew Hoe berkata, tanggungjawab Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) adalah faktor penting untuk ladang itu.

Beliau berkata, dengan mengurangkan keperluan untuk mengimport susu, kumpulan juga akan dapat mengurangkan jejak karbon secara keseluruhan dengan mengurangkan keperluan untuk mengangkut bahan dari luar negara.

"Ladang itu juga akan direka

berasaskan amalan perladangan mampan dan ekonomi kitaran dengan menggunakan teknologi hijau dan kecerdasan buatan di sepanjang proses ladang," katanya.

Sementara itu, Sivasuriyamorthy berkata, pembangunan ladang tenusu bersepadu F&N melambangkan pencapaian penting bagi kebergantungan Malaysia terhadap bekalan susu segar dan makanan berasaskan tenusu.

Beliau berkata, selain daripada manfaat ekonomi, projek agrikultur makanan yang komprehensif akan membantu Malaysia maju ke arah bekalan makanan mampan serta bekalan makanan haiwan.

"Penternakan pintar dalam pengeluaran tenusu telah membuka prospek yang luas untuk merevolusikan segmen perniagaan tani di Malaysia.

"Dengan memanfaatkan teknologi, ia boleh mencipta hasil terbaik dalam penjagaan lembu, pencampuran makanan haiwan, pengurusan kitaran dan produk tenusu yang pelbagai," katanya.

Permintaan ayam terus meningkat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Bisnes	24

Permintaan ayam terus meningkat

Industri ternakan ayam sedang mengalami 20 peratus kekurangan bekalan pada masa ini, demikian menurut AmlInvestment Bank.

Penganalisisnya, Gan Huey Ling, berkata pada masa sama permintaan bagi daging ayam meningkat kerana pengguna beralih kepada sumber protein itu susulan wabak selesema babi di Afrika.

"Dalam taklimat penganalisis anjuran Malayan Flour Mills Bhd (MFM), syarikat itu menyatakan bahawa terdapat kekurangan bekalan sebanyak 20 peratus dalam industri ternakan

ayam.

"Pada masa sama, permintaan untuk produk ayam dijangka kekal berdaya tahan memandangkan pengguna beralih kepada ayam daging daripada daging babi. Ini kerana wabak selesema babi Afrika telah menjejaskan bekalan daging babi di Malaysia," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Huey Ling berkata, kilang ayam MFM di Lumut beroperasi secara purata kadar penggunaan sebanyak 51 peratus pada suku pertama tahun kewangan 2023 berbanding 42 peratus pada suku pertama tahun lalu.

"Ini adalah di bawah kadar penggunaan yang disasarkan sebanyak 75 peratus untuk tahun kewangan 2023.

Kebolehtetapan ayam adalah lemah dalam industri ayam daging disebabkan oleh susunan genetik ayam, yang memihak kepada penghasilan daging sehingga menjejaskan kebolehtetapan.

"Ini telah menjejaskan bekalan ayam daging daripada pen-ternak kontrak. MFM berharap untuk menyelesaikan masalah ini segera," katanya.

Beliau menambah, bahagian ternakan ayam MFM menga-

lami pengeluaran yang rendah daripada segi jumlah pada masa ini kerana terdapat kekurangan ayam daging daripada petani kontrak.

"Tambahan pula, permintaan untuk ayam daging perap daripada restoran perkhidmatan berkurangan dengan mendadak pada suku pertama 2023.

"Sementara itu, bagi bahagian tepung, pendapatan dijangka pulih daripada suku ketiga tahun kewangan 2023 dan seterusnya kerana inventori gandum yang berkos tinggi akan digunakan sepenuhnya dalam suku kedua 2023," katanya.

F&N TO invest RM 1 bil into fresh milk business

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
FMT	-	Online

F&N to invest RM1bil into fresh milk business

Integrated farm will eventually house 20,000 dairy cattle, producing 200 million litres of fresh milk per year.



Fraser and Neave Holdings Bhd hopes its venture into the upstream fresh milk business will eventually enable it to export fresh milk.

PETALING JAYA: Fraser and Neave Holdings Bhd (F&N) is venturing into the upstream fresh milk business with an investment of at least RM1 billion for the development of Phase 1 of its integrated dairy farm in Gemas, Negeri Sembilan. The farm in Gemas, Negeri Sembilan is expected to put the group on track to becoming one of Malaysia's largest milk producers when Phase 1 reaches full production of 100 million litres of fresh milk.

Stay up-to-date by following FMT's Telegram channel

[FMT](#) Spanning over 2,726 hectares, the farm will eventually house 20,000 dairy cattle, producing 200 million litres of fresh milk per year for the local and international markets, said Negeri Sembilan menteri besar Aminuddin Harun. Speaking at the F&N Agrivalley groundbreaking ceremony today, he said the project, which will be developed in phases, is expected to be fully completed by 2027, create 500 jobs as well as provide agro business opportunities for the local community. "This project will also reduce the country's dependence on imported milk, aside from enhancing the nation's food security," he said. Aminuddin added that other initiatives in the Agropolis cluster that will be developed by F&N include the development of ruminant valleys, which is the use of high technology in the field of agriculture in particular, in the field of crop planting and dairy cattle farming. He said the state government strongly encourages more efforts and programmes that involve the surrounding community such as the 'contract farming' initiative to provide employment opportunities to the local residents as well as improve the abilities of local dairy entrepreneurs. Meanwhile, F&N CEO Lim Yew Hoe said operationalising the integrated dairy farm would result in a vertical integration of F&N's business and operations. "It means reducing our reliance on imported milk for downstream production and distribution, and will also help lower the cost per litre of fresh milk, benefitting Malaysian consumers," he said in a joint statement with the Malaysian Investment Development Authority (Mida) today. Lim said the processing and packaging line will be situated right next to the milking parlour, enabling it to offer Malaysian consumers quality fresh milk at affordable prices. "This will also help promote the growth of the local agricultural industry by fostering a skilled workforce and generating job opportunities in the dairy and agriculture industries," he said, adding F&N also aims to export fresh milk, potentially making Malaysia a net exporter of fresh milk in the future. Meanwhile, Lim said F&N's plans for feed crop farming within the facility align with the government's goal of increasing feed crop production to reduce the nation's dependence on imported feed. Malaysia currently imports nearly 100% of its animal feed from Brazil and Argentina.

Kelantan kuasai sektor ternakan lembu hybrid cecah RM193 juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	Online

Kelantan kuasai sektor ternakan lembu hidrid cecah RM193 juta



BACHOK: Penternak di Kelantan menguasai ternakan lembu hibrid di Malaysia dengan nilai keseluruhan mencecah RM193 juta. Mereka mewakili 94.7 peratus dengan Kelantan mempunyai 5,500 orang daripada sejumlah 5,807 penternak lembu hibrid di seluruh negara. Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob, berkata Kelantan mempunyai 24,291 ekor lembu pedaging (hibrid) berkualiti. Katanya, jumlah itu mewakili 94.4 peratus daripada keseluruhan 25,711 lembu hibrid di Malaysia.

"Jumlah pengeluaran daging ialah 5,518.2 tan dengan 22 ladang pengeluar diiktiraf Jabatan Veterinar sebagai pengeluar daging hibrid NAIMbif."Angka ini mengagumkan dan tahniah diucapkan kepada penternak kita," katanya kepada media pada Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) di sini, hari ini.Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk HPPNK, Tuan Saripudin Tuan Ismail.Ahmad berkata, potensi lembu hibrid sangat luas dan masih baharu di negara ini."Penternak di Kelantan lebih terkehadapan dalam bidang ternakan ini dan perlu dibantu pelbagai agensi bagi terus mempelopori pengeluar daging utama negara," katanya. Beliau berkata, kerajaan negeri memperuntukkan RM1.89 juta menerusi projek penternakan lembu pedaging hibrid Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan bagi kemasukan lembu pedaging di kawasan seluas 40 hektar di Ladang Rong Chenok, Ogos ini. Selain ternakan, Ahmad berkata, Kelantan turut mencatat peningkatan sektor pertanian dengan nilai tambah RM5.9 bilion pada 2021. Sementara itu, HPPNK mencatat sejarah dalam Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi himpunan terbesar lembu hibrid berkualiti dengan mengumpul 213 lembu baka Charolais, Limousin, Belgian Blue dan Blonde. Semua lembu berkenaan dianggar bernilai RM2.4 juta membabitkan 113 penternak hibrid di Kelantan. Sijil disampaikan wakil MBOR, Mohamad Nazrul Hafizi Ahmad Fauzi kepada Ahmad. HPPNK berlangsung lima hari bermula semalam hingga Ahad ini, bertemakan 'Teknologi Tani Memacu Keterjaminan Makanan' dengan pembabitan 200 pempamer daripada pelbagai agensi dan penternak, nelayan serta petani.

Ketua Jabatan, pegawai atasan diminta kerap turun padang-KSN

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	Online

Ketua jabatan, pegawai atasan diminta kerap turun lapangan – KSN



Mohd Zuki ketika bual bicara pada Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-20 Program Sarjana Pengurusan AWAM (MPM) di Hotel Everly, hari ini. - GAMBAR FAISOL MUSTAFA

PUTRAJAYA – Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali mengingatkan semua ketua jabatan dan pegawai atasan supaya kerap turun ke lapangan agar arahan mengenai dasar-dasar kerajaan dapat disampaikan sehingga ke peringkat bawahan.

Menurutnya, bagi mengelak kebergantungan terhadap orang bawahan semata-mata, sebagai ketua mereka bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan menjayakan organisasi masing-masing. “Saya pernah lihat situasi orang beratur panjang (tapi) pukul 10 pagi dia (kakitangan) dah pergi minum, sebab itu bagi saya, ketua-ketua yang ada ini walaupun mereka tegas, keras ke apa, perlu kerap turun ke bawah, jangan harap hanya orang di bawah sahaja melaksanakan tugas. “Sebagai ketua, orang yang bertanggungjawab memainkan peranan sebagai orang yang melaksanakan (dasar), pastikan visi yang dia dapat sampai ke (orang) bawahan. “Sudah tentu sebagai KSN (saya) tak sempat nak pergi ke semua tempat tetapi apa yang mustahak, kita beritahu apa visi yang kita mahu, apa yang mesti dilaksanakan (dan) orang bawah terjemahkan apa yang kita nak buat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi bual bicara bertajuk ‘Dinamika Pentadbiran KSN: Pengalaman Mengurus Krisis’ sempena Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Program Sarjana Pengurusan Awam Universiti Utara Malaysia (UUM) bersama KSN di sini hari ini. – KOSMO! ONLINE

Permintaan meningkat, bekalan ayam berkurangan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	16

Permintaan meningkat, bekalan ayam berkurangan



Permintaan untuk produk ayam dijangka kekal berdaya tahan -NSTP/Hairul Anuar Rahim
KUALA LUMPUR: Industri ternakan ayam sedang mengalami 20 peratus kekurangan bekalan pada masa ini, demikian menurut AmlInvestment Bank.

Penganalisisnya, Gan Huey Ling, berkata pada masa sama permintaan bagi daging ayam meningkat kerana pengguna beralih kepada sumber protein itu susulan wabak selesema babi di Afrika. "Dalam taklimat penganalisis anjuran Malayan Flour Mills Bhd (MFM), syarikat itu menyatakan bahawa terdapat kekurangan bekalan sebanyak 20 peratus dalam industri ternakan ayam. "Pada masa sama, permintaan untuk produk ayam dijangka kekal berdaya tahan memandangkan pengguna beralih kepada ayam daging daripada daging babi. Ini kerana wabak selesema babi Afrika telah menjejaskan bekalan daging babi di Malaysia," katanya dalam satu nota penyelidikan. Huey Ling berkata, kilang ayam MFM di Lumut beroperasi secara purata kadar penggunaan sebanyak 51 peratus pada suku pertama tahun kewangan 2023 berbanding 42 peratus pada suku pertama tahun lalu. "Ini adalah di bawah kadar penggunaan yang disasarkan sebanyak 75 peratus untuk tahun kewangan 2023. Kebolehtetasan ayam adalah lemah dalam industri ayam daging disebabkan oleh susunan genetik ayam, yang memihak kepada penghasilan daging sehingga menjejaskan kebolehtetasan. "Ini telah menjejaskan bekalan ayam daging daripada penternak kontrak. MFM berharap untuk menyelesaikan masalah ini segera," katanya. Beliau menambah, bahagian ternakan ayam MFM mengalami pengeluaran yang rendah daripada segi jumlah pada masa ini kerana terdapat kekurangan ayam daging daripada petani kontrak. "Tambahan pula, permintaan untuk ayam daging perap daripada restoran perkhidmatan berkurangan dengan mendadak pada suku pertama 2023.

"Bagi bahagian tepung, pendapatan dijangka pulih daripada suku ketiga tahun kewangan 2023 dan seterusnya kerana inventori gandum yang berkos tinggi akan digunakan sepenuhnya dalam suku kedua 2023," katanya.

Huey Ling berkata, AmlInvestment Bank menurunkan penarafan saham MFM kepada 'pegang' berbanding 'beli' dengan nilai wajar lebih rendah 76 sen berbanding RM1 sebelumnya.

"Kami menurunkan anggaran keuntungan bersih MFM bagi tahun kewangan 2023 sebanyak 30 peratus dan perolehan bersih tahun kewangan 2024 sebanyak 27 peratus bagi mengambil kira sumbangan lebih rendah daripada bahagian perniagaan ternakan dan tepung," katanya.

-TERIMA KASIH-

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR